

Garis panduan MEMILIH PERMAINAN UNTUK ANAK-ANAK



MENJADI SATU 'PEKERJAAN' BAGI KANAK-KANAK UNTUK BERMAIN. DARIPADA BERMAINLAH MEREKA DAPAT MEMBINA PEMBANGUNAN DIRI DARI SEGI, INTERAKSI SOSIAL, KEBOLEHAN MOTOR KASAR, MOTOR HALUS, DAN PELBAGAI LAGI.

KANAK-KANAK SEKOLAH RENDAH

Sekiranya anda mahu membelikan basikal, skateboards, kasut roda pastikan permainan ini ada label kelulusan dari pihak berwajib, barulah anda membelinya.

Pastikan anak-anak memakai helmet sebagai langkah keselamatan.

Hujung dart mainan haruslah lembut dan bukannya terlalu tajam sehingga boleh membahayakan

Bagi pistol permainan pula, mestilah berwarna terang dan berbeza dengan pistol sebenar supaya mereka dapat membezakan antara mainan dengan yang betul.

Ajar anak-anak anda bermain dart, anak panah atau pistol mainan dengan betul tanpa melukakan orang di sekeliling.

Oleh itu alat permainan yang ingin dibeli harus diteliti dengan baik dari segi fungsi dan umur yang sesuai buat anak anda.

Tetapi yang menjadi dilema apabila ibu ayah tidak pasti tentang panduan untuk membelinya.

Menerusi laman web *kidshealth*, berikut merupakan beberapa panduan yang ibu ayah harus ambil berat sebelum membeli permainan untuk mereka.

BAYI DAN KANAK-KANAK

Mainan haruslah besar sekurang-kurangnya tiga sentimeter diameter dan enam sentimeter panjang. Logik kepada ukuran ini adalah untuk mengelakkan daripada bayi anda tertelan atau tercekik.

Elakkan mainan yang berbentuk bulat kecil seperti syiling, guli, bola yang mempunyai ukuran diameter 4.4 sentimeter atau kurang kerana dikhuatiri dapat melepasi saluran pernafasan bayi anda.

Bagi permainan yang menggunakan bateri, pastikan penutup bateri itu ditutup ketat agar bayi anda tidak mampu membukanya. Dikhuatiri cecair bateri boleh menyebabkan pendarahan atau kesan melecur.

Sebelum membeli apa-apa produk

permainan anak-anak, pastikan beberapa item ini bagi menjamin keselamatan mereka:

Tidak mudah pecah dan kuat supaya tidak boleh dikunyah.

Sisi tajam atau bahagian yang kecil seperti mata, roda atau butang yang tidak mudah dicabut dan tercabut.

Bahagian-bahagian permainan yang apabila dicabut menjadi terlalu kecil saiznya.

Sekiranya ada tali pastikan melebihi 18 sentimeter panjangnya.

Bagi permainan tunggangan, ia boleh digunakan sebaik sahaja anak anda boleh duduk dengan sendirinya tapi pastikan anda membaca cadangan daripada pihak pengeluar sebelum membeli.

Permainan tunggangan seperti kuda goyang juga harus disertakan dengan tali keselamatan dan stabil untuk digunakan.

Jika anda perasan, ada kalanya ada permainan yang diberikan secara percuma atau dibeli melalui mesin yang tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan. Oleh itu periksa dahulu permainan tersebut sama ada mudah tercabut atau pecah sebelum memberikan kepada bayi anda.



Children - Child Care

Pg. 76.